



28 OCT, 2022

Dua Pusat Sains akan dibina di Tawau, Sandakan

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 1 of 2

Dua Pusat Sains akan dibina di Tawau, Sandakan

Lagatah Toyos

TAWAU: Dua Pusat Sains dianggarkan bernilai RM10.2 juta akan dibina di Perpustakaan Negeri Sabah Cawangan Tawau dan Sandakan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah, Datuk Yakub Khan berkata, pusat sains itu, yang dijangka siap pada 2024, akan dilengkapi program berkonsepkan 'Maker Studio' dan 'Playsmart' yang menyasarkan lebih 80,000 pengunjung setahun di setiap lokasi yang terdiri daripada pelajar, guru dan komuniti.

Menurutnya, projek hasil usaha sama antara Petronas dan kementeriannya itu bakal memberi akses Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) kepada penduduk di dua daerah berkenaan.

"Pembangunan projek ini secara tidak langsung merealisasikan hasrat kerajaan negeri dalam pembangunan modal insan dalam bidang STI," katanya kepada media sempena Majlis Pra-Pelancaran Pusat Sains Tawau dan Sandakan di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Tawau di sini, pada Khamis.

Katanya, Kerajaan Negeri amat mengalu-alukan inisiatif seumpama itu untuk melahirkan modal insan berdaya saing yang mampu membantu menjayakan agenda pelan pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya.

"Kita berharap Petronas akan menubuhkan lebih banyak Pusat Sains di Sabah memandangkan keadaan geografi negeri ini yang agak luas.

"Mungkin tahun 2023, Petronas boleh mempertimbangkan pembinaan tiga lagi Pusat Sains di Perpustakaan Negeri Sabah, termasuk di Cawangan Kota Belud," katanya.

Mengulas lanjut, Yakub berkata, Pusat Sains itu akan menjadi platform bagi pelajar di Pantai Timur Sabah untuk mengenal dan



YAKUB melawat tapak pameran yang diadakan sempena majlis itu.

mendalami ilmu STEM melalui kaedah interaktif dan canggung tanpa perlu ke Petrosains Playsmart di Kota Kinabalu atau Kuala Lumpur.

"Kita berharap minat anak-anak Sabah terhadap STEM dapat disemai melalui platform ini, sekaligus mendorong mereka untuk memilih kerjaya berkaitan STEM. Kita perlukan anak-anak Sabah untuk menyumbang kembali kepakaran mereka untuk kemajuan negeri ini," katanya.

Pada majlis tersebut, Petronas turut menyerahkan Surat Niat kepada lima institusi Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) di bawah Program Bantuan Penajaan dan Latihan Institusi Vokasional (Vista).

Lima institusi berkenaan ialah Institut Latihan Teknik dan Perdagangan

Papar, Kolej Teknikal Yayasan Sabah, Institut Kemahiran Mara Kota Kinabalu, Akademi Binaan Malaysia Wilayah Sabah dan Sabah Skills and Technology Centre yang melibatkan kursus berkaitan industri minyak dan gas termasuk Kimpalan 6G, Penjaga Jentera AO dan Perancah sehingga tahun 2025.

Hadir sama, Pembantu Menteri Belia dan Sukan, Datuk Andi Muhammad Suryady Bandy; Ahli Lembaga Pengarah Petroliaam Nasional Berhad (Petronas), Datuk Seri Panglima K.Y. Mustafa; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Negeri Sabah Datuk Datu Rosmadi Datu Sulai dan Naib Presiden Kanan, Pelaksanaan Projek dan Teknologi Petronas, Datuk Bacho Pilon.



28 OCT, 2022

Dua Pusat Sains akan dibina di Tawau, Sandakan

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

TAWAU: Dua Pusat Sains dianggarkan bernilai RM10.2 juta akan dibina di Perpusatakaan Negeri Sabah Cawangan Tawau dan Sandakan.